



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu

**MODUL
PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN
SPM 2024**

MPP 3

**PRINSIP PERAKAUNAN
KERTAS 1**

Nama :

Kelas :



DISEDIAKAN OLEH PANEL AKRAM NEGERI TERENGGANU

Tidak dibenarkan menyunting atau mencetak mana-mana bahagian dalam modul ini
tanpa kebenaran Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu



- 1 P ialah satu peringkat dalam kitaran perakaunan. Pada peringkat ini, akaun hasil dan belanja akan dipindahkan ke dalam Akaun Perdagangan dan Untung Rugi. Apakah P?
- A Pelarasan
 - B Catatan Penutupan
 - C Buku Catatan Pertama
 - D Imbangan Duga Terselaras
- 2 Antara berikut, yang manakah ciri kualitatif tertingkat dalam Penyata Kewangan
- I Kerelevanan
 - II Kebolehsahan
 - III Kebolehfahaman
 - IV Kebolehbandingan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV
- 3 Sebuah kenderaan yang dibeli dengan harga RM40 000 pada tahun 2020 masih lagi direkodkan sebagai RM40 000 dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mei 2024 walaupun harga pasaran kenderaan tersebut telah susut kepada RM28 000.
- Situasi di atas berkaitan dengan satu prinsip perakaunan iaitu
- A Ketekalan
 - B Prinsip kos
 - C Entiti berasingan
 - D Pengiktirafan hasil dan belanja
- 4 Antara berikut adalah ciri-ciri sebuah perkongsian profesional **kecuali**
- A Liabiliti tidak terhad
 - B Dimiliki oleh 2 hingga 20 orang
 - C Dimiliki oleh 2 hingga 50 orang
 - D Modal disumbangkan oleh pekongsi
- 5 Pilih padanan yang betul.

	Akaun Perdagangan	Akaun Untung Rugi
A	Inventori awal	Duti import
B	Insurans belian	Inventori akhir
C	Pulangan jualan	Angkutan keluar
D	Angkutan masuk	Pulangan belian

6 Manakah belanja bukan operasi sebuah perniagaan?

- A Gaji
- B Sewa
- C Kadar bayaran
- D Derma kepada rumah kebajikan

7 Jadual berikut menunjukkan nilai aset, liabiliti dan ekuiti pemilik:

Perabot (RM)	Alatan Pejabat (RM)	Bank (RM)	Modal (RM)	Pinjaman (RM)
45 000	13 000	9 000	X	30 000

Hitungkan nilai X.

- A RM19 000
- B RM37 000
- C RM71 000
- D RM79 000

8 Perkhidmatan Dobi Harum mempunyai carta akaun seperti berikut:

Kod Item	Nama Akaun
1000 - 1999	Hasil
2000 - 2999	Belanja
3000 - 3999	Aset
4000 - 4999	Liabiliti
5000 - 5999	Ekuiti Pemilik
6000 - 6999	Catatan Kontra

Apakah kod item yang sesuai bagi akaun kadar bayaran?

- A 1101
- B 2101
- C 4101
- D 5101

- 9 Maklumat berikut diambil daripada perniagaan Jaya Enterprise.

Bank menghantar dokumen kepada Jaya Enterprise untuk memaklumkan wang dalam bank telah berkurang.

Apakah dokumen tersebut?

- A Nota debit
- B Nota kredit
- C Makluman debit
- D Makluman kredit

- 10 Dokumen berikut dikeluarkan oleh Makmur Enterprise.

ASAL	NOTA DEBIT Makmur Enterprise Lot. 16, Lorong Kayu, 21040 Marang, Terengganu.	No. ND212
		Tarikh: 11 Jun 2024
Kepada: Ayu Kosmetik, 6 Jalan Barat, 21040 Marang, Terengganu.		
Akaun Tuan/Puan telah didebitkan seperti berikut:		
Butiran	Jumlah	
40 unit bedak dalam invois INV1451 terkurang caj RM10.00 seunit	RM 400.00	
Tolak: Diskaun niaga 10%	40.00	
Jumlah	360.00	
<i>Ringgit Malaysia: Tiga ratus enam puluh sahaja</i>		
Rohayu Penerima		Rohani Pengurus

Apakah Buku Catatan Pertama yang digunakan oleh Ayu Kosmetik untuk merekod urus niaga di atas?

- A Jurnal Belian
- B Jurnal Jualan
- C Jurnal Pulangan Belian
- D Jurnal Pulangan Jualan

11 Antara berikut manakah merupakan dokumen sumber yang direkod dalam Buku Tunai?

- I Resit Perbankan Dalam Talian
- II Baucar Pembayaran
- III Nota Kredit
- IV Resit

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

12 Apakah kegunaan Buku Tunai Runcit?

- A Memastikan perniagaan mempunyai wang yang cukup untuk dibelanjakan
- B Mencatat semua penerimaan dan pembayaran tunai
- C Mengawal wang masuk dan wang keluar
- D Merekod perbelanjaan yang kecil

13 Antara berikut manakah benar tentang perbezaan Lejar Jualan dan Lejar Belian?

	Lejar Jualan	Lejar Belian
I	Merekod urusan niaga jualan kredit	Merekod urusan niaga belian kredit
II	Melibatkan urusan niaga jualan tunai	Melibatkan urusan niaga belian tunai
III	Mengandungi semua Akaun Hasil	Mengandungi semua Akaun Belanja
IV	Mencatat semua Akaun Belum Terima	Mencatat semua Akaun Belum Bayar

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 14 Tuan Hasbi menerima cek daripada Perniagaan Amira selepas mengambil kira diskaun tunai.
Apakah catatan bergu bagi urus niaga di atas?

	Akaun didebitkan	Akaun dikreditkan
A	Bank Diskaun diberi	Perniagaan Amira
B	Bank	Perniagaan Amira Diskaun diberi
C	Perniagaan Amira Diskaun diberi	Bank
D	Perniagaan Amira	Bank Diskaun diberi

- 15 Maklumat berikut diperoleh daripada Borhan Enterprise:

Akaun Kawalan Belum Terima					
2024			2024		
		RM			RM
Jan 1	Baki b/b	2 600	Jan 31	Bank	5 200
				Hutang lapuk	320
				Baki h/b	2 200

Berapakah jualan kredit?

- A RM2 200
B RM2 600
C RM5 120
D RM7 720
- 16 Pernyataan manakah menerangkan tentang tujuan penyediaan Imbangan Duga?
- A Menghitung modal kerja
B Menyemak ketepatan catatan bergu
C Menghitung untung kasar dan untung bersih
D Menunjukkan kedudukan aset, liabiliti dan modal

- 17 Maklumat berikut diambil daripada buku perakaunan Kedai Akid Maju pada 31 Mac 2024.

	RM
Untung kasar	52 450
Hutang lapuk terpulih	1 320
Kadar bayaran	960

Maklumat tambahan:

Kadar bayaran belum bayar berjumlah RM200.

Hitung untung bersih Kedai Maju.

- A RM53 970
 B RM53 770
 C RM52 810
 D RM52 610

- 18 Butiran manakah yang akan memberikan kesan kepada jumlah modal kerja.

- A Sewa
 B Dividen
 C Faedah atas pinjaman
 D Peruntukan hutang ragu

- 19 Pilih catatan penutupan yang betul bagi akaun Diskaun diterima.

A					
Diskaun diterima					
2023		RM	2023		RM
Dis 31	Akaun Perdagangan	460	Dis 31	Akaun belum bayar	460
		<u>460</u>			<u>460</u>
B					
Diskaun diterima					
2023		RM	2023		RM
Dis 31	Akaun belum bayar	460	Dis 31	Akaun Perdagangan	460
		<u>460</u>			<u>460</u>
C					
Diskaun diterima					
2023		RM	2023		RM
Dis 31	Untung Rugi	460	Dis 31	Akaun belum bayar	460
		<u>460</u>			<u>460</u>
D					
Diskaun diterima					
2023		RM	2023		RM
Dis 31	Akaun belum bayar	460	Dis 31	Untung Rugi	460
		<u>460</u>			<u>460</u>



- 20 Pilih pernyataan yang benar perbezaan utama antara perakaunan asas tunai dan asas akruan.

	Asas Tunai	Asas Akruan
A	Wujud hasil belum terperoleh	Wujud hasil belum terima
B	Direkodkan apabila tunai diterima	Direkodkan dalam tempoh diperolehi
C	Hasil sebenar tolak belanja sebenar	Hasil diterima tolak belanja dibayar
D	Direkodkan dalam tempoh dibelanjakan atau digunakan	Direkodkan apabila bayaran tunai dilakukan

21

	RM
Pembayaran utiliti bagi tahun 2023	6 500
Utiliti belum bayar pada 1 Januari 2023	230
Utiliti terlebih bayar pada 31 Disember 2023	315

Hitung jumlah Utiliti yang perlu direkodkan dalam Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2023.

- A RM5 955
 B RM6 585
 C RM6 415
 D RM7 045
- 22 Pada 5 Ogos 2024, Encik Naim telah menjelaskan hutang ayahnya RM700 yang telah meninggal dunia. Hutang tersebut telah dihapuskan sebagai hutang lapuk oleh Toi Toi Sdn Bhd.

Apakah catatan jurnal yang direkod oleh Toi Toi Bhd bagi urus niaga tersebut?

		Debit RM	Kredit RM
A	Hutang lapuk terpulih Bank	700	700
B	Hutang lapuk Hutang lapuk terpulih	700	700
C	Bank Hutang lapuk terpulih	700	700
D	Akaun Belum Terima Hutang lapuk terpulih	700	700

- 23 Pada 1 Julai 2021, Deja Sdn Bhd telah membeli sebuah van pada harga RM90 000. Van tersebut disusutnilaikan pada kadar 15% setahun mengikut kaedah garis lurus. Pada 31 Disember 2023, van tersebut telah dijual dengan harga RM55 000.

Tahun kewangan Deja Sdn Bhd berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

Hitung untung atau rugi atas pelupusan van tersebut.

- A Rugi RM28 250
- B Rugi RM21 500
- C Rugi RM1 250
- D Untung RM5 500

24 Berikut ialah beberapa kesilapan yang ditemui dalam buku perniagaan Arisha Trading:

- I Belanja membaiki kenderaan RM980 tersilap rekod dalam akaun Kenderaan
- II Komisen diterima RM700 direkodkan di sebelah kredit dalam akaun Komisen diterima dan Bank
- III Membayar sewa RM1 200 telah direkodkan di sebelah debit akaun Tunai dan kredit akaun Sewa
- IV Promosi RM380 direkodkan dengan betul dalam akaun Bank tetapi direkodkan RM308 dalam akaun Promosi

Kesilapan manakah yang tidak dapat dikesan di dalam Imbangan Duga.

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan III
- D III dan IV

25 Kesilapan berikut telah berlaku dalam perniagaan Che Hafiz:

Pembayaran hutang RM960 kepada Iman Irdina telah direkodkan di sebelah debit dalam akaun Iman Syauqina.

Apakah kesan kesilapan tersebut?

	Sebelum pembetulan kesilapan		Selepas pembetulan kesilapan	
	Untung kasar	Untung bersih	Untung kasar	Untung bersih
A	Berkurang	Berkurang	Bertambah	Bertambah
B	Berkurang	Bertambah	Bertambah	Berkurang
C	Tiada kesan	Bertambah	Tiada kesan	Berkurang
D	Tiada kesan	Tiada kesan	Tiada kesan	Tiada kesan

- 26 Maklumat berikut diperoleh daripada Syarikat Mimmy dan Syarikat Liyani yang mengusahakan barangan kraftangan.

	Syarikat Mimmy	Syarikat Liyani
Kadar pusing ganti Inventori	3 kali	6 kali

Antara berikut, manakah yang **benar** tentang pengurusan inventori kedua-dua syarikat tersebut?

- I Jualan Inventori Syarikat Liyani lebih laris berbanding Syarikat Mimmy.
- II Pengurusan inventori Syarikat Liyani lebih cekap daripada Syarikat Mimmy.
- III Syarikat Liyani menanggung kos menyimpan inventori yang lebih tinggi daripada Syarikat Mimmy.
- IV Syarikat Mimmy menukar inventori setiap 3 bulan sekali manakala Syarikat Liyani menukar inventori setiap 6 bulan sekali.

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

- 27 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Mesra yang menyimpan akaunnya tidak mengikut sistem catatan bergu:

	RM
Modal awal	9 000
Modal akhir	10 300
Modal tambahan	700
Ambilan	500

Hitung untung atau rugi bersih Perniagaan Mesra pada tahun itu.

- A Rugi bersih RM1 500
- B Rugi bersih RM1 100
- C Untung bersih RM1 500
- D Untung bersih RM1 100

- 28 Perniagaan yang menggunakan kaedah analisis untuk mengira keuntungan atau kerugian perniagaan mesti sekurang-kurangnya menyimpan rekod-rekod yang berikut iaitu:
- I Rekod tentang Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar
 - II Baki tunai di tangan dan di bank pada awal dan akhir tahun
 - III Buku Tunai yang merekod wang yang diterima dan dibayar
 - IV Rekod tentang aset dan liabiliti
- A I, II dan III
B I, III dan IV
C II, III dan IV
D I, II, III dan IV
- 29 Pilih pernyataan yang **benar** mengenai Penyata Penyesuaian Bank.
- A Penyata yang disediakan oleh pihak bank untuk menyelaraskan baki Buku Tunai dengan baki Penyata Bank.
 - B Penyata yang disediakan oleh peniaga untuk menyelaraskan baki Buku Tunai dan baki Penyata Bank.
 - C Penyata yang disediakan untuk memastikan ketepatan dan kesahan rekod dalam penyata supaya sebarang kesilapan dapat diperbetulkan.
 - D Penyata yang disediakan untuk menentukan jumlah tunai sebenar yang terdapat dalam perniagaan..
- 30 Belanjawan Tunai membolehkan peniaga menghitung.....
- I Baki tunai pada akhir tempoh tertentu.
 - II Lebihan atau kekurangan tunai dalam satu tempoh tertentu.
 - III Untung atau rugi perniagaan. dalam tempoh perakaunan
 - IV Jumlah tunai yang dijangka akan diterima dan dibayar
- A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

- 31 Maklumat berikut diperoleh daripada buku perakaunan Perkongsian SooYa
Imbangan Duga pada 30 Jun 2024 (petikan)

	Debit	Kredit
	RM	RM
Gaji	36 000	
Gaji pekongsi	9 000	

Maklumat tambahan:

- (i) Pekongsi Soo dibayar gaji RM1 500 sebulan
(ii) Gaji pekongsi RM3 400 telah dimasukkan ke dalam Akaun Gaji

Catatan yang manakah benar berkaitan dengan gaji pekongsi?

	Debit	Kredit
A	Akaun Untung Rugi RM18 000	Akaun Semasa Soo RM12 400
B	Akaun Pengasingan Untung Rugi RM18 000	Akaun Semasa Soo RM12 400
C	Akaun Untung Rugi RM9 000	Akaun Semasa Soo RM5 600
D	Akaun Pengasingan Untung Rugi RM18 000	Akaun Semasa Soo RM5 600

- 32 Ruangan Ekuiti Pemilik dalam Penyata Kedudukan Kewangan perkongsian mencatatkan

- I Ambilan rakan kongsi
II Kerugian rakan kongsi
III Akaun Modal rakan kongsi
IV Akaun Semasa rakan kongsi

- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 33 Maklumat berikut diperoleh daripada buku perniagaan sebuah perkongsian.

	RM
Jumlah aset	32 500
Jumlah liabiliti	4 950

Semasa pembubaran, semua aset direalis pada harga RM26 430. Belanja realisasi RM790 dan liabiliti dijelaskan sepenuhnya. Berapakah rugi realisasi?

- A RM310
B RM6 860
C RM11 810
D RM53 190

34 Keuntungan yang diperoleh oleh pemegang syer Telekom Malaysia Berhad dalam bentuk..

- A Bonus
- B Bunga
- C Dividen
- D Faedah

35 Maklumat berikut berkaitan dengan ekuiti pemilik Syarikat Pasti Jaya pada 31 Disember 2023:

Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh	RM
1 500 000 unit 6% R	3 000 000
2 000 000 unit S	2 000 000
	<u>5 000 000</u>

Apakah R dan S?

	R	S
A	Syer Keutamaan	Syer Biasa
B	Syer Biasa	Syer Keutamaan
C	Syer Biasa	Terbitan syer
D	Syer Keutamaan	Terbitan syer

36 Maklumat berikut diperoleh daripada buku perakaunan Kelab Rekreasi Sri Tembesu.

	1 Januari 2023 (RM)	31 Disember 2023 (RM)
Yuran belum terima	4 800	6 000
Yuran belum terperoleh	2 880	1 680

Yuran yang diterima sepanjang tahun kewangan berjumlah RM74 400 dan bilangan ahli kelab ialah 320 orang.

Hitungkan yuran tahunan bagi setiap seorang ahli kelab tersebut.

- A 213
- B 225
- C 233
- D 240

37 Antara urus niaga berikut, manakah merupakan pendapatan modal bagi sebuah kelab?

- A Kutipan yuran pertandingan
- B Keuntungan daripada aktiviti perniagaan kelab
- C Menerima komputer hasil derma agensi kerajaan
- D Menerima faedah simpanan tetap daripada bank

38 Apakah pengkelasan bagi gaji pengurus kilang dalam Akaun Pengeluaran?

- A Kos prima
- B Kos overhed
- C Kos buruh langsung
- D Kos buruh tak langsung

39 Maklumat berikut diperolehi daripada pengeluaran produk sebuah kilang.

	RM
Alat tulis kilang	850
Gaji operator kilang	50 650
Gaji pengurus kilang	24 400
Kadar bayaran kilang	9 460
Royalti kilang	12 500

Hitung kos overhed kilang.

- A RM34 710
 - B RM47 210
 - C RM60 960
 - D RM97 860
- 40 Kilang Sumber Asli mengeluarkan kicap jenama ENAK dengan harga jualan RM5.00 sebotol.

Maklumat berikut berkaitan kos pengeluaran kicap tersebut.

	RM
Kos tetap	12 000
Kos berubah sebotol	3.75

Hitung bilangan botol yang perlu dikeluarkan jika untung yang disasarkan ialah RM8 000.

- A 2 285 botol
- B 3 200 botol
- C 4 000 botol
- D 16 000 botol

KERTAS SOALAN TAMAT